

Tak lagi ukur baju di badan sendiri

SUATU ketika dulu apabila Yayasan Mendaki hendak ditubuhkan, terdapat saranan agar pencapaian anak Melayu dimilai secara realistik. Maka timbulah pelbagai pedoman termasuk peribahasa - ukur baju di badan sendiri. Tampaknya peribahasa itu macam disalah guna.

Menurut orang tua-tua, ia lebih menjurus kepada aspek 'kemampuan' seperti jangan membeli rumah besar jika gaji kita hanya pas-pas atau cukup-cukup saja. Konteks sesuai dalam waktu kemelesetan ini.

Mengenai ilmu, peribahasa yang lebih sesuai termasuklah kata hikmah yang ada kala dikaitkan sebagai hadis seperti tuntutan ilmu walaupun ke negeri China.

Oleh itu, apabila 10 tahun terakhir ini prestasi pelajar Singapura, termasuk anak Melayu, dipaparkan baru-baru ini, kesimpulan yang sudah diagakkan. Kecuali bahasa ibunda, umumnya pelajar Melayu corot di belakng anak kaum lain.

Hakikatnya, orang Melayu bukan bersaing sesama sendiri, tetapi dengan semua orang di dunia. Menjelang Singapura sudah menjadi kota jagat yang mengumpul sejuta orang asing (lebih ramai daripada jumlah orang Melayu di sini).

Oleh itu, mahu tidak mahu, ukur pencapaian pendidikan anak Melayu mesti bersilat sejagat. Jadi, ukurlah ilmu di persada dunia, baru-lah kita diperluhkan di mana-mana.

Perangkaan Kementerian Pendi-

dikan (MOE) itu menunjukkan pencapaian Matematik masih lagi hamibatan jiwa anak Melayu. Dari peringkat darjah enam sehingga menengah, didapati jatuh kembali di bawah batas psikologi 60 peratus.

Di manakah slapnya? Sudah tentu satu kajian tuntas perlu dibuat demi menilai sebab kegagalan anak Melayu untuk sekurang-kurangnya menyamai anak kaum rumpun India.

Anak kita ternyata masih alah dalam Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Ini tiga mata pelajaran utama yang sudah dikenal pasti sebagai kunci kejayaan hari muka.

Walaupun kita boleh beralasan bahawa pelajar Melayu turut berjaya dalam penulisan sains dan matematik menurut kajian peringkat keretlah yang terlibat.

Umumnya, anak Melayu masih belum meraih pencapaian yang baik. Pun kita akui dari masa ke masa, adalah juga seorang dua yang menyeralah di peringkat nasional.

Mencari silap, bukanlah bermakna menyalahkan individu tertentu sebagai puncanya. Tak adl bagi kita sekadar menuding ke arah Mendaki termasuk kakitangannya atau ibu bapa Melayu semata-mata. Tetapi kita ingin menunjukkan huraiannya penakatan jangka panjang, khususnya pendidikan.

► **Mengukuhkan asas pendidikan**
Saya toringat almarhum Mansor Sukaimi yang mengingatkan agar

"Kita tidak boleh lagi salah konsep mengenai pendidikan yang semestinya teguh di peringkat asas".
Beliau sering merujuk kepada pe-ri penting pengukuhan di peringkat prasekolah sehingga sekolah rendah dan menengah.

Sayangnya, masih ada ibu bapa Melayu yang tidak sanggup menghantar anaknya ke tadika.
Bahkan, ramai yang belum mampu membayar tuisyen tambahan untuk anak mereka atau menyekukan kepada pakar mengenai kesulitan anak dalam memahami pelajaran.

► **Kejitan gerakan pendidikan**
Kehadiran Mendaki dan badan sehaluannya seperti Angkatan Karya-wan Islam (AMP) memang bertuju-juan mendorong pencapaian ilmu se-tinggi mungkin.

Namun, adakah kelas bimbingan yang mereka adakan itu masih tidak mencukupi atau kurang merangsang-kan?
Setakat ini, kita belum pernah menemui kajian mengenai keberkesanan kelas bimbingan hujung minggu.

Padahal, aspek ini dianggap genting dan pernah disorot 30 tahun du-lu dalam Seminar Kelas Bimbingan, 1978.

► **Masalah pembelajaran**
Saya pernah bersembang dengan seorang pakar disleksia yang mendakwa ramai anak Melayu yang mengalami masalah sukar belajar dari segi membaca atau penglihatan.

Bahkan, saya pernah menemui ibu bapa yang terpaksa menghen-
ti-

PADA HEMAT
SAYA
MOHD RAMAN DAUD
raman@
sph.com.sg



anak anak mereka belajar di madrasah kerana si anak bingung untuk membezakan antara tuisyen Jawi Rumi (dari kanan ke kiri) dengan tulisan Rumus (dari kiri ke kanan).

Masalah pembelajaran juga menyngkut suasana belajar di rumah. Adakah ibu bapa kita cukup teliti dalam memberikan rangsangan agar anak selesa menelaah atau membuat kerja sekolah di rumah?

► **Masalah makanan berkhasiat**
Kita menyedari hakikat bahawa ramai orang Melayu yang kurang sihat (sering mengalami kencing manis, darah tinggi dan sebagainya).

Ramai sekali bapa (kaum lelaki) yang merokok. Ini semua menyeras 'mutu' zuriat Melayu.

Cara pemakanan orang Melayu yang sering menyebabkan badan tambun (gemuk) juga perlu dikaji kerana ini menentukan kelakonan dalam semua bidang, termasuk rasa yakin diri.

Saya tabik kpuasan makalah Farhan Ali dan Hidayah Amin dalam majalah *Karyawan* (terbitan AMP) baru-baru ini, yang cuba menyel-
gar kar kaitan zat dan mutu zuriat (bayi).

Mereka menegaskan bahawa ja-

gaan kesihatan sewaktu hamil (ibu) dan bayi amat genting demi memastikan zuriat yang sihat dan mampu mencapai prestasi yang baik.

► **Sikap masyarakat**
Umumnya, kalangan masyarakat kita sudah jauh berubah sejak 1980 ketika dikejutkan oleh hasil Banci Penduduk yang antara lain memaparkan keadilan kita dari segi pemerolehan ilmu.

Namun, merubah masyarakat secara dramatik ala zaman pembaharuan Meiji di Jepun tentulah memerlukan rangsangan yang berterusan dan penuh karisma.


Seorang pembaca akhbar ini pernah memberitahu saya bahawa selepas Kongres Mendaki pada 1981, terasa amat kuat pialuan gendrang untuk maju dalam pendidikan.

Sayangnya, lama-kelamaan pialuan gendrang itu kian lemah, ibu bapa kita, katanya, seolah-olah menyerah pasrah apabila anak kurang berjaya. Benarkah demikian?

Saya sendiri tidak bersetuju dengan cerakinnnya (analisis) kerana ia bersandarkan contoh atau anak-dot belaka.

Namun, dari satu segi, kita dapat menyarakat kita masih lagi membenarkan keutamaan dalam pelajaran 'fuburan' seperti berhabis-habisan untuk membuat majlis kahwin atau membeli set 'pawagam di rumah' (*home theatre*).

Sebaliknya, ibu bapa kita masih kurang cenderung memastikan anak



da-
pat tui-
syen atau
sering meng-
hubungi guru
sekolah untuk
berbincang tentang
kelakonan anak.

Selagi sikap demikian tidak diubah, kitalah sendiri yang akan rugi.

► **Beban kesenjangan sosial**
Pemerintah tentulah bimbang mengenai kelakonan anak Melayu jika terus-terusan demikian.

Asal saja berlaku kemelesetan, pekerja kurang mahir akan dibertentikan terlebih dulu. Tak perlu kita mengagak lagi: lazimnya pekerja Melayu turut tersingkir.

Jurang atau kesenjangan ilmu ini akan menimbulkan suasana kurang selesa dalam sebuah negara maj-muk.

Apatah lagi, pekerja asing senang-tiasa diah-alutkan di sini - bermakna pekerja Melayu yang kurang mahir dengan sendirinya boleh terpinggir.

Seperti kesan Banci Penduduk 1980 yang menimbulkan kejutan masyarakat, diharap laporan MOE kali ini akan mengugah kita.

Wajar sekali kita teliti setiap kes-lapan kita agar pertumbuhan maraton ilmu akhirnya dapat mendorong anak Melayu lebih ke depan.

Sesungguhnya, kita tidak mampu menunggu 10 tahun lagi dan diterpa perangkaan yang mengecewakan.

Berita Harian, 25 December 2008